

**RM256.4 Juta Bagi Bangunkan 17 Projek Wakaf Di Malaysia - Jamil Khir
Bernama
4 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM256.4 juta menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) bagi membangunkan 17 projek wakaf di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata peruntukan itu disalurkan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk melaksanakan projek itu.

"Keluasan tanah wakaf yang telah dibangunkan oleh JAWHAR adalah seluas 35 hektar daripada 11,000 hektar.

"Bagi membangunkan keseluruhan tanah wakaf itu, kami memerlukan wang yang banyak iaitu RM80 bilion berdasarkan anggaran daripada Unit Perancangan Ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Wakaf Serantau 2012 di sini, Selasa.

Beliau berkata sebagai langkah proaktif dalam membangunkan tanah wakaf itu, JAWHAR menjalin kerjasama strategik dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor korporat, perbankan serta swasta.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691932>